



جَابَتَانِ كَمَا جَوَانِ إِسْلَامِ مَلَيْسِيَا  
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA



**HIMPUNAN HADITH-HADITH SAHIH SIRI 3  
AMALAN PENUTUP & MUHASABAH RAMADAN**

**مِفْتَاحُ الْمَغْفِرَةِ**

**KUNCI  
MENDAPAT KEAMPUNAN**



جَابَاتَانِ كَمَا جُوانِ إِسْلَامِ مَالِيسِيَا  
**JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**

HAK CIPTA JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

[www.islam.gov.my](http://www.islam.gov.my)

Terbitan 2021

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dengan apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

**Data Pengkatalogan dalam Penerbitan**

HIMPUNAN HADITH-HADITH SAHIH SIRI 3  
AMALAN PENUTUP & MUHASABAH RAMADAN  
(Miftah al-Maghfirah)

**Reka Bentuk dan Atur Huruf**

Bahagian Penyelidikan  
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia  
Aras 4&5, Blok A, Kompleks Islam Putrajaya  
No. 23, Jalan Tunku Abdul Rahman  
Presint 3, 62100 Putrajaya

**Terbitan**


JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA



# KANDUNGAN

## MUKA SURAT

Kata Alu-Aluan Ketua Pengarah JAKIM	i
Mukadimah	ii
<b>SIRI 3 : AMALAN PENUTUP &amp; MUHASABAH RAMADAN</b>	<b>1</b>
- Katakanlah 'Aku Berpuasa'	2
- Puasa Menjadi Sia-sia	4
- Puasa dan Solat Malam Yang Sia-sia	6
- Iktikaf Adalah Sunnah	8
- Keutamaan Iktikaf & Lailatulqadar	9
- Nabi ﷺ Mengetatkan Kain Sarungnya	10
- Kesungguhan Nabi ﷺ Dalam Beribadah Di Akhir Ramadan	11
- Lailatulqadar Menghapuskan Dosa	13
- Doa Khusus Lailatulqadar	15
- Rebutlah Pahala Ibadah Selama 1000 Bulan	17
- Kerugian Terlepas Malam Pahala 1000 Bulan	19
- Bilakah Lailatulqadar?	22
- Zakat Penyuci Jiwa & Harta	25
- Nabi ﷺ Mendoakan Pembayar Zakat	28
- Rebutlah Pahala Puasa Setahun	31
- Rujukan	33
- Penghargaan	35



# KATA ALU-ALUAN KETUA PENGARAH JAKIM

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين، والصلاة والسلام على أشرف  
الأنبياء والمرسلين وعلى آله وصحبه أجمعين.

Segala puji bagi Allah SWT, Tuhan yang memiliki dan menguasai sekalian alam. Selawat dan salam dilimpahkan ke atas junjungan besar Nabi Muhammad ﷺ, keluarga, para sahabat dan seluruh orang yang memperjuangkan syariat-Nya sehingga hari kiamat.

Alhamdulillah, saya bagi pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada para penulis dan semua pihak yang telah berusaha bersungguh-sungguh menyiapkan buku himpunan hadith-hadith sahih yang dikeluarkan secara bersiri ini.

Semoga dengan himpunan hadith-hadith sahih ini dapat menjadi pedoman dan rujukan kepada masyarakat dalam menjalani amal ibadah dengan penuh keyakinan.

Akhirnya, sama-samalah kita berdoa semoga Allah SWT memberikan taufik dan inayah-Nya agar kita semua digolongkan dikalangan hamba-Nya yang bertaqwa.

آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ

Sekian, terima kasih.

**DATUK ABDUL AZIZ BIN JUSOH**




# MUKADIMAH

Segala puji bagi Allah SWT, selawat dan salam diutuskan buat junjungan baginda Nabi Muhammad ﷺ, ahli keluarga dan para sahabat Baginda ﷺ serta mereka yang mengikuti jalan Baginda ﷺ sehingga hari kemudian.

Siri himpunan hadith-hadith sahih ini diterbitkan untuk menjadi pedoman dan rujukan kepada masyarakat Islam dalam mengenali hadith-hadith sahih daripada kitab-kitab hadith yang muktabar. Dalam siri ketiga ini, diberi nama **'Miftah al-Maghfirah'** (Kunci Mendapat Keampunan) menghimpunkan hadith-hadith sahih berkaitan amalan sunnah Nabi ﷺ dan muhasabah di penghujung Ramadan bersama pengajarannya secara ringkas dan mudah agar dapat menjadi *taghrib* (galakkan) untuk mengamalkannya serta menjadi *tarhib* (ancaman) bagi memenuhi tuntutan Ramadan serta ibadah puasa itu sendiri.

Ramadan yang baharu sahaja menemui kita, kini beransur-ansur meninggalkan kita. Golongan Salaf apabila datangnya Ramadan menyebut *"Marhaban ya mutohhir"* dan mereka akan merasa sedih apabila bulan ini beransur-ansur pergi. Bahkan Imam Ibn Rejab al-Hanbali dalam kitabnya 'Lataif al-Ma'arif' (muka surat 367) menaqalkan: "Dikhabarkan menjadi amalan para salafussoleh berdoa agar berkesempatan bertemu Ramadan selama enam bulan sebelumnya dan berdoa selama enam bulan selepasnya agar diterima amalan di bulan Ramadan tersebut."




# MUKADIMAH

Bulan Ramadan adalah kesempatan untuk memperbanyak amal soleh dan meraih seberapa banyak ganjaran pahala berbanding bulan-bulan lain kerana hawa nafsu di ikat dengan puasa dan syaitan pula telah dibelenggu apabila datangnya Ramadan.

Sebulan bepuasa dan melakukan amal soleh agar insan yang keluar daripadanya menjadi golongan *muttaqin*. Jika sifat ini gagal diperolehi maka bermuhasabahlah dengan amalan puasa yang telah dilakukan, adakah cukup sempurna bagi meraih taqwa? Dalam beribadah janganlah semata-mata melihat kepada hukum, akan tetapi lihatlah juga kepada keseluruhannya iaitu kepada roh ibadah itu sendiri. Adakah terhenti amalan seseorang muslim dengan berakhirnya bulan Ramadan? Jawapnya tidak!. Bahkan amalan seseorang muslim tidak akan terhenti kecuali apabila datangnya kematian.

Semoga Allah SWT dengan kemurahan-Nya dan keberkatan kekasih-Nya Nabi Muhammad ﷺ menerima semua amalan, mengampunkan dosa-dosa kita dan dengan usaha yang sedikit ini menjadi asbab bertambahnya kecintaan kepada Baginda ﷺ .

Penyusun.



# SIRI 3

## AMALAN PENUTUP & MUHASABAH RAMADAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ (١) وَمَا أَدْرَاكَ مَا لَيْلَةُ  
الْقَدْرِ (٢) لَيْلَةُ الْقَدْرِ لَيْلَةُ الْقَدْرِ خَيْرٌ مِّنْ أَلْفِ  
شَهْرٍ (٣) تَنَزَّلُ الْمَلَائِكَةُ وَالرُّوحُ فِيهَا بِإِذْنِ رَبِّهِمْ  
مِّنْ كُلِّ أَمْرٍ (٤) سَلَامٌ هِيَ حَتَّىٰ مَطْلَعِ الْفَجْرِ (٥)

(Surah al-Qadr, ayat 1-5)

Maksudnya:

1. Sesungguhnya Kami telah menurunkan (Al Quran) pada Malam Lailatul-Qadar.
2. Dan apakah jalannya engkau dapat mengetahui apa dia kebesaran Malam Lailatul-Qadar itu?
3. Malam Lailatul-Qadar lebih baik daripada seribu bulan.
4. Pada Malam itu turun malaikat dan Jibril dengan izin Tuhan mereka, kerana membawa segala perkara (yang ditakdirkan berlakunya pada tahun yang berikut).
5. Sejahteralah Malam (yang berkat) itu hingga terbit fajar.



## KATAKANLAH "AKU BERPUASA"

١ - عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: الصِّيَامُ جُنَّةٌ، إِذَا كَانَ أَحَدُكُمْ صَائِمًا فَلَا يَرُفُثْ وَلَا يَجْهَلْ، فَإِنْ أَمْرُو قَاتَلَهُ أَوْ شَاتَمَهُ، فَلْيَقُلْ: إِنِّي صَائِمٌ، إِنِّي صَائِمٌ.

-أخرجه أبو داود في سننه، كتاب الصوم، باب الغيبة للصائم، حديث رقم 2363، وقال الأرنؤوط، إسناده صحيح.

Maksudnya:

Daripada Abu Hurairah RA, bahawa Nabi ﷺ bersabda: "Puasa adalah perisai (daripada perbuatan dosa). Apabila seseorang di antara kamu berpuasa, maka janganlah (samada dari segi perbuatan ataupun percakapan) dia melakukan perkara keji dan janganlah dia melakukan perbuatan orang jahil. Sekiranya seseorang mengajaknya bertengkar atau menghina, maka hendaklah dia mengatakan: "Sesungguhnya aku berpuasa, sesungguhnya aku berpuasa".


(Riwayat Abu Dawud, *Kitab ash-Shaum, Bab al-Ghibah Li as-Shaimi*, no. 2363, berkata al-Arna'ut, sanadnya sahih)





# PENGAJARAN HADITH

1. Puasa diibaratkan seperti perisai yang menyelamatkan orang yang berpuasa, dari melakukan sebarang maksiat dan dosa-dosa besar, kerana maksiat itu akan menjerumuskan pelakunya ke dalam neraka Jahannam.
2. Puasa adalah ibadah zahir dan batin. Zahirnya adalah dengan memelihara diri daripada makan, minum dan perkara-perkara yang membatalkan puasa. Manakala batinnya pula dengan menjaga hati, percakapan, perbuatan dan apa jua perkara yang akan mendatangkan dosa dan merosakkan hati.
3. Justeru, apabila diajak bertengkar atau dihina, hendaklah dia memperingatkan dirinya dan si pelaku tadi dengan mengatakan aku berpuasa agar masing-masing mendapat peringatan bersama untuk menjaga adab dan tuntutan amalan puasa itu sendiri.



## PUASA MENJADI SIA-SIA

٢ - عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ:  
قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مَنْ لَمْ  
يَدَعْ قَوْلَ الزُّورِ وَالْعَمَلَ بِهِ فَلَيْسَ لِلَّهِ حَاجَةٌ  
فِي أَنْ يَدَعَ طَعَامَهُ وَشَرَابَهُ.

-أخرجه البخاري في صحيحه، كتاب الصوم، باب مَنْ لَمْ يَدَعْ قَوْلَ  
الزُّورِ وَالْعَمَلَ بِهِ فِي الصَّوْمِ، حديث رقم 1903.


Maksudnya:

Daripada Abu Hurairah RA, beliau berkata, Rasulullah ﷺ bersabda: "Sesiapa yang tidak meninggalkan kata-kata dusta dan melakukan pendustaan, maka tiadalah bagi Allah SWT hajat untuk dia (orang yang berpuasa) meninggalkan makanan dan minumannya (puasanya menjadi sia-sia)."

(Riwayat al-Bukhari, *Kitab al-Shaum, Bab Man Lam Yada' Qaula al-Zhuuri Wa al-'Amala Bihi Fi al-Shaumi*, no. 1903)

# PENGAJARAN HADITH

1. Bulan Ramadan adalah kesempatan bagi seseorang muslim untuk memperbanyak amal kebaikan.
2. Orang yang berpuasa, apabila memperbanyak amal kebaikan seperti membaca al-Quran, berzikir dan lain-lain amalan akan memberikan natijah kepada pembentukan diri seorang muslim yang bertaqwa. Sebaliknya apabila tuntutan dan larangan semasa berpuasa tidak diambil berat maka akan menyebabkan pahala dan kesan amalan puasa itu akan berkurangan.
3. Justeru, puasa bukan sekadar menahan lapar dan dahaga sahaja tetapi juga menahan diri daripada perkataan dan perbuatan yang boleh merosakkan pahala puasa apatah lagi amalan puasa itu sendiri.



## PUASA DAN SOLAT MALAM YANG SIA-SIA

٣- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: كَمْ مِنْ صَائِمٍ لَيْسَ لَهُ مِنْ صِيَامِهِ إِلَّا الْجُوعُ وَكَمْ مِنْ قَائِمٍ لَيْسَ لَهُ مِنْ قِيَامِهِ إِلَّا السَّهَرُ.

-أخرجه أحمد في مسنده، مُسْنَدُ الْمُكْثَرِينَ مِنَ الصَّحَابَةِ، مُسْنَدُ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، حديث رقم 9685، وقال الأرنؤوط، إسناده حسن.

Maksudnya:

Daripada Abu Hurairah RA, beliau berkata, Rasulullah ﷺ bersabda: "Berapa ramai daripada orang yang berpuasa tidak mendapat apa-apa daripada puasanya selain lapar dan berapa ramai orang yang beribadah malam tidak mendapat apa-apa daripada ibadahnya selain berjaga malam."

(Riwayat Ahmad, *Musnad al-Mukaththirina Mina as-Sahabah*, *Musnad Abu Hurairah RA*, no. 9685, berkata al-Arnaút, sanadnya hasan)



# PENGAJARAN HADITH

1. Di bulan Ramadan, Allah SWT telah memfardukan ibadah puasa di siang harinya. Manakala di malam harinya pula disunatkan mendirikan qiyamullail.
2. Dalam mendirikan amalan-amalan tersebut, Rasulullah ﷺ mengingatkan orang yang berpuasa dan bersolat malam agar membetulkan niat, menjadikan amalan puasa sebagai ibadah bukannya adat dan menjaga hak-hak ibadah tersebut bagi mengelakkannya menjadi sia-sia tanpa mendapat sebarang pahala.
3. Hanya amalan yang benar-benar ikhlas kepada Allah SWT yang akan diterima dan akan memberikan kesan ibadah itu sendiri kepada pembentukan seorang hamba yang bertaqwa.



## IKTIKAF ADALAH SUNNAH

٤ - عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا زَوْجَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَعْتَكِفُ الْعَشْرَ الْأَوَاخِرَ مِنْ رَمَضَانَ حَتَّى تَوَفَّاهُ اللَّهُ، ثُمَّ اعْتَكَفَ أَزْوَاجُهُ مِنْ بَعْدِهِ. متفق عليه.

-أخرجه البخاري في صحيحه، كتاب الاعتكاف، باب الاعتكاف في العشر الأواخر، حديث رقم 2026، ومسلم في صحيحه، كتاب الاعتكاف، باب اعتكاف العشر الأواخر من رمضان، حديث رقم 1172.

Maksudnya:

Daripada 'Aisyah RA isteri Nabi ﷺ, (meriwayatkan) bahawa Nabi ﷺ seringkali beriktikaf pada sepuluh hari terakhir Ramadan sehinggalah Baginda ﷺ wafat. Kemudian isteri-isteri Baginda ﷺ meneruskan amalan iktikaf selepas kewafatan Baginda ﷺ.

(Muttafaqun 'Alayhi, riwayat al-Bukhari, *Kitab al-I'tikaf, Bab al-I'tikaf Fi al-Ásyri al-Awakhiri*, no. 2026 dan Muslim, *Kitab al-I'tikaf, Bab I'tikaf al-Ásyri al-Awakhiri Min Ramadhana*, no. 1172)



## KEUTAMAAN IKTIKAF & LAILATULQADAR

٥- عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ: كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُجَاوِرُ فِي الْعَشْرِ الْأَوَاخِرِ مِنْ رَمَضَانَ وَيَقُولُ: تَحَرَّوْا لَيْلَةَ الْقَدْرِ فِي الْعَشْرِ الْأَوَاخِرِ مِنْ رَمَضَانَ.

-أخرجه البخاري في صحيحه، كتاب فضل ليلة القدر، باب تحري ليلة القدر في الوتر، حديث رقم 2019.

Maksudnya:

Daripada 'Aisyah RA, beliau berkata: "Rasulullah ﷺ beriktikaf pada sepuluh hari terakhir pada bulan Ramadan, kemudian Baginda ﷺ bersabda: "Carilah lailatulqadar pada sepuluh malam yang akhir pada Ramadan."

(Riwayat al-Bukhari, *Kitab Fadhu Laylati al-Qadri, Bab Taharri Laylati al-Qadri Fi al-Witri*, no. 2019)



## NABI ﷺ MENGETATKAN KAIN SARUNGNYA

٦ - عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا قَالَتْ:  
كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا دَخَلَ  
الْعَشْرُ شَدَّ مِئْزَرَهُ وَأَحْيَا لَيْلَهُ وَأَيْقَظَ أَهْلَهُ.

-أخرجه البخاري في صحيحه، كتاب فضل ليلة القدر، باب العمل في العشر الأواخر من رمضان، حديث رقم 2024.

Maksudnya:

Daripada 'Aisyah RA, beliau berkata: "Nabi ﷺ apabila memasuki sepuluh akhir (dari bulan Ramadan), Baginda ﷺ mengetatkan kain sarungnya, menghidupkan malamnya dengan beribadah dan mengejutkan ahli keluarganya (untuk beribadah)."

(Riwayat al-Bukhari, Kitab Fadhlul Laylati al-Qadri, Bab al-Ámali Fi al-Ásyri al-Awakhiri Min Ramadana, no. 2024)





## KESUNGGUHAN NABI ﷺ BERIBADAH DI AKHIR RAMADAN

٧- عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا قَالَتْ:  
كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَجْتَهِدُ  
فِي الْعَشْرِ الْأَوَاخِرِ، مَا لَا يَجْتَهِدُ فِي غَيْرِهِ.

-أخرجه مسلم في صحيحه، كتاب الإعتكاف، باب الاجتهاد في  
العشر الأواخر من شهر رمضان، 1175.

Maksudnya:

Daripada 'Aisyah RA, beliau berkata:  
"Rasulullah ﷺ berusaha bersungguh-  
sungguh beribadah pada malam  
sepuluh akhir Ramadan melebihi  
usahanya daripada malam-malam  
yang lain."

(Riwayat Muslim, *Kitab al-Iktikaf, Bab al-Ijtihadi  
Fi al-Āsyri al-Awakhiri Min Syahri Ramadana*, no.  
1175)



# PENGAJARAN HADITH

1. Amalan iktikaf merupakan satu amalan sunnah yang dilakukan oleh Nabi ﷺ, ahli keluarga dan para sahabat Baginda ﷺ.
2. Nabi ﷺ akan beriktikaf, terutamanya pada sepuluh hari terakhir daripada Ramadan bagi mengasingkan diri daripada urusan dunia dan bersungguh-sungguh memperbanyakkan amal ibadah pada malamnya serta mengejutkan ahli keluarganya dalam memburu lailatuqadar.
3. Justeru, bagi orang yang beriktikaf apabila menahan dirinya daripada melakukan perkara dosa dan hanya terbatas melakukan amal ibadah tertentu sahaja akan dikurniakan kepadanya kebaikan seperti orang yang melakukan semua kebaikan.

## LAILATULQADAR MENGHAPUSKAN DOSA

٨- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ :  
أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ :  
مَنْ قَامَ لَيْلَةَ الْقَدْرِ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا ، غُفِرَ  
لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ . متفق عليه .

-أخرجه البخاري في صحيحه، كتاب الصوم، باب من صام  
رمضان إيمانًا واحتسابًا ونية، حديث رقم 1901 ولمسلم في  
صحيحه، كتاب المساجد ومواضع الصلاة، باب التَّزْيِيبُ فِي قِيَامِ  
رَمَضَانَ وَهُوَ التَّرَاوِيحُ، حديث رقم 760.

Maksudnya:

Daripada Abu Hurairah RA, beliau berkata bahwa Rasulullah SAW bersabda: "Sesiapa yang mendirikan lailatulqadar dengan penuh keimanan dan *ih-tisab* (mengharapkan keredhaan Allah) akan diampunkan dosanya yang terdahulu."

(Muttafaqun 'Alayhi, riwayat al-Bukhari, *Kitab ash-Shaum, Bab Man Shoma Ramadhana Imanan wa Ihtisaban wa niyyati*, no. 1901, Muslim, *Kitab al-Masajid Wa Mawadhi'l ash-Sholati, Bab at-Taghribu Fi Qiyami Ramadhana wahuwa at-Tarawih*, no. 760)



## PENGAJARAN HADITH

1. Lailatulqadar adalah satu anugerah daripada Allah SWT kepada umat Nabi ﷺ.
2. Ibn Hajar al-Asqalani mengatakan bahawa yang dimaksudkan 'إِيمَانًا' (dengan keimanan) adalah membenarkan janji Allah SWT yang akan mengurniakan ganjaran pahala, manakala 'إِحْتِسَابًا' pula bermakna mengharap pahala daripada Allah SWT bukan kerana mengharap selainnya seperti berbuat riak dan sebagainya. (Fathul Bary)
3. Justeru, rebutlah peluang ini dengan berusaha bersungguh-sungguh memperbanyakkan amal ibadah pada malam yang kesepuluh akhir bulan Ramadan agar kita tergolong daripada orang yang mendapat keampunan di sisi Allah SWT.



## DOA KHUSUS LAILATULQADAR

٩ - عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا قَالَتْ:  
قُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ: أَرَأَيْتَ إِنْ عَلِمْتُ أَيَّ  
لَيْلَةٍ لَيْلَةُ الْقَدْرِ مَا أَقُولُ فِيهَا؟ قَالَ: قُولِي:  
اللَّهُمَّ إِنَّكَ عَفُوفٌ تُحِبُّ الْعَفْوَ فَاعْفُ عَنِّي.

-أخرجه الترمذي في سننه، كتاب الدعوات، باب منه، حديث رقم  
3513، وقال أبو عيسى: هذا حديث حسن صحيح.

Maksudnya:

Daripada 'Aisyah RA, beliau berkata  
aku telah bertanya, wahai Rasulullah  
ﷺ: "Beritahulah kepadaku sekiranya  
aku mengetahui malam manakah  
lailatulqadar, apakah doa yang  
sepatutnya aku pohon?" Baginda ﷺ  
bersabda, berdoalah:


اللَّهُمَّ إِنَّكَ عَفُوفٌ تُحِبُّ الْعَفْوَ فَاعْفُ عَنِّي

*(Ya Allah! Sesungguhnya Engkaulah  
Yang Maha Pengampun dan amat suka  
akan pengampunan, maka ampunilah  
daku)."*

(Riwayat al-Tirmizi dalam sunannya, *Kitab ad-  
Daawat, Bab Minhu*, no. 3513, berkata Abu 'Isa,  
hadith hasan sahih)

## PENGAJARAN HADITH

1. Lailatulqadar adalah satu malam istimewa yang diberikan oleh Allah SWT kepada hamba-hamba-Nya yang terpilih..
2. Sesiapa yang mendapat lailatulqadar, hendaklah dia berdoa untuk kebaikan diri sendiri, ahli keluarga serta seluruh umat Nabi ﷺ. Sebaik-baik doa adalah yang telah diajarkan Nabi ﷺ dalam hadith ini. Dahuluilah setiap doa dengan puji-pujian kepada Allah SWT, berselawat ke atas Nabi ﷺ dan tidak meninggalkan memohon keampunan kepada Allah SWT.
3. Justeru, rebutlah peluang yang masih ada ini dengan sentiasa membanyakkan doa agar dapat menemui lailatulqadar.



## REBUTLAH PAHALA IBADAH 1000 BULAN

١٠ - عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ: لَمَّا حَضَرَ  
رَمَضَانَ، قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ  
وَسَلَّمَ: قَدْ جَاءَكُمْ رَمَضَانُ، شَهْرٌ مُبَارَكٌ،  
افْتَرَضَ اللَّهُ عَلَيْكُمْ صِيَامَهُ، تُفْتَحُ فِيهِ أَبْوَابُ  
الْجَنَّةِ، وَتُغْلَقُ فِيهِ أَبْوَابُ الْجَحِيمِ، وَتُغْلَقُ فِيهِ  
الشَّيَاطِينُ، فِيهِ لَيْلَةٌ خَيْرٌ مِنْ أَلْفِ شَهْرٍ،  
مَنْ حُرِمَ خَيْرَهَا، فَقَدْ حُرِمَ.

-أخرجه أحمد في مسنده، مُسْنَدُ الْمُكْثَرِينَ مِنَ الصَّحَابَةِ، مُسْنَدُ أَبِي  
هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، حديث رقم 7148، وقال الأرنؤوط، صحيح،  
وهذا إسناد رجاله رجال الشيخين.



## REBUTLAH PAHALA IBADAH 1000 BULAN

Daripada Abu Hurairah RA, beliau berkata, apabila datangnya Ramadan Rasulullah ﷺ bersabda: “Telah datang kepada kamu bulan Ramadan, bulan yang dipenuhi keberkatan. Allah SWT memfardukan kepada kamu berpuasa, pada hari itu dibukakan pintu-pintu syurga, ditutupkan pintu-pintu neraka, dirantaikan syaitan-syaitan, di dalamnya ada satu malam yang lebih baik daripada 1000 bulan. Sesiapa yang tidak mendapat kebaikan pada bulan ini, maka rugilah dia.”

(Riwayat Ahmad dalam musnadnya, *Musnad al-Mukaththirina Mina ash-Shohabah*, *Musnad Abu Hurairah RA*, no. 7148, berkata al-Arna'ut, hadith sahih dan sanad ini perawinya adalah perawi asy-Syaikhain)



# KERUGIAN TERLEPAS PAHALA MALAM 1000 BULAN


١١- عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ، قَالَ:  
دَخَلَ رَمَضَانُ، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ  
صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِنَّ هَذَا الشَّهْرَ  
قَدْ حَضَرَكُمْ، وَفِيهِ لَيْلَةٌ خَيْرٌ مِنْ أَلْفِ  
شَهْرٍ، مَنْ حُرِمَهَا فَقَدْ حُرِمَ الْخَيْرَ  
كُلَّهُ، وَلَا يُحْرَمُ خَيْرَهَا إِلَّا مُحْرَمٌ.

-أخرجه ابن ماجه في سننه، كتاب الصيام، باب ما جاء  
في فضل شهر رمضان، حديث رقم 1644، وقال  
الأرنؤوط: حسن.

# KERUGIAN TERLEPAS PAHALA MALAM 1000 BULAN

Daripada Anas bin Malik RA, beliau berkata apabila datangnya bulan Ramadan, maka Rasulullah ﷺ bersabda: "Sesungguhnya, bulan ini (Ramadan) telah datang kepada kamu dan di dalamnya terdapat satu malam (amalan ibadah yang dilakukan pada malam itu) lebih baik dan besar ganjarannya daripada (amalan) selama 1000 bulan. Sesiapa yang terhalang untuk mendapatkan malam itu, sesungguhnya dia telah terhalang daripada mendapatkan semua kebaikan. Sesungguhnya, tidak akan terhalang seseorang daripada semua perkara itu, kecuali orang yang telah dihalang daripada mendapat petunjuk daripada Allah SWT."

(Riwayat Ibn Majah, *Kitab ash-Shiyam, Bab Ma Ja'a Fi Fadhli Syahri Ramadhana*, no. 1644, berkata al-Arna'ut, hadith hasan)



## PENGAJARAN HADITH

1. Bulan Ramadan adalah penghulu segala bulan kerana di dalamnya ada satu malam yang beribadah padanya lebih baik daripada 1000 bulan iaitulah Lailatulqadar.
2. Siapakah yang akan memperoleohnya? Hanya Allah sahajalah yang Maha mengetahuinya. Walau bagaimanapun, seorang hamba akan mendapat hadiah daripada Yang Maha Pemberi apabila hamba tersebut menunaikan segala perintah-Nya dan meninggalkan larangan-Nya dengan penuh keikhlasan.
3. Di akhir hadith ini Nabi ﷺ memperingatkan tentang kerugian yang akan dialami apabila terlepas malam tersebut dan tidak syak lagi kerugian yang sebenar-benar kerugian apabila nikmat yang sedemikian besar adalah dimusnahkan oleh dirinya sendiri.



## BILAKAH LAILATULQADAR?

١٢- عَنْ أَبِي سَلَمَةَ قَالَ: سَأَلْتُ أَبَا سَعِيدٍ، وَكَانَ لِي صَدِيقًا فَقَالَ: اعْتَكَفْنَا مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْعَشْرَ الْأَوْسَطَ مِنْ رَمَضَانَ فَخَرَجَ صَبِيحَةَ عِشْرِينَ فَخَطَبَنَا وَقَالَ: إِنِّي أُرِيتُ لَيْلَةَ الْقَدْرِ، ثُمَّ أَنْسَيْتُهَا أَوْ نُسَيْتُهَا، فَالْتَمِسُوهَا فِي الْعَشْرِ الْأَوَاخِرِ فِي الْوَتْرِ وَإِنِّي رَأَيْتُ أَبِي أَسْجُدُ فِي مَاءٍ وَطِينٍ فَمَنْ كَانَ اعْتَكَفَ مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَلْيَرْجِعْ فَرَجَعْنَا وَمَا نَرَى فِي السَّمَاءِ قَزَعَةً فَجَاءَتْ سَحَابَةٌ فَمَطَرَتْ حَتَّى سَالَ سَقْفُ الْمَسْجِدِ وَكَانَ مِنْ جَرِيدِ النَّخْلِ وَأُقِيمَتِ الصَّلَاةُ فَرَأَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَسْجُدُ فِي الْمَاءِ وَالطِّينِ حَتَّى رَأَيْتُ أَثَرَ الطِّينِ فِي جَبْهَتِهِ.

-أخرجه البخاري في صحيحه، كتاب فضل ليلة القدر، باب التماس ليلة القدر، حديث رقم 2016.



## BILAKAH LAILATULQADAR?


Daripada Abu Salamah RA, beliau berkata; Aku bertanya kepada Abu Sa'id al-Khudriy yang merupakan sahabat karibku. Maka, beliau pun menceritakan: "Kami pernah beriktikaf bersama Nabi ﷺ pada sepuluh malam pertengahan dari bulan Ramadan. Kemudian Baginda ﷺ keluar pada waktu subuh kedua puluh malam yang akhir lalu menyampaikan khutbah kepada kami dengan bersabda: "Sesungguhnya, aku diperlihatkan tentang lailatulqadar, namun aku lupa atau dilupakan waktunya yang pasti. Namun, carilah pada sepuluh malam terakhir pada malam yang ganjil. Sesungguhnya, aku melihat bahawa aku sujud di atas tanah dan air (yang becak). Oleh itu, sesiapa yang sudah beriktikaf bersama-sama Rasulullah ﷺ maka pulanglah". Maka, kami pun pulang. Dan tidaklah kami melihat awan yang tipis sekalipun di langit hingga kemudian tiba-tiba datang awan yang banyak, lalu hujan turun hingga air menitis (kerana bocor) dari atap masjid yang diperbuat daripada daun kurma. Kemudian setelah solat (Subuh) selesai aku melihat Rasulullah ﷺ sujud di atas air dan tanah yang becak hingga aku melihat sisa-sisanya pada dahi beliau.

(Riwayat al-Bukhari, *Kitab Fadhlul Laylatul Qadri, Bab Iltimasi Laylatul Qadri*, no. 2016)



## PENGAJARAN HADITH

1. Lailatulqadar adalah malam yang dirahsiakan waktunya oleh Allah SWT.
2. Rasulullah ﷺ menggalakkan kepada umatnya supaya meningkatkan amal ibadah pada malam-malam ganjil pada sepuluh malam terakhir Ramadan. Ini menjadi satu panduan bahawa lailatulqadar berlaku pada mana-mana malam tersebut dan sebaik-baiknya beramallah di sepanjang bulan Ramadan tanpa menghadkan kepada mana-mana malam bagi meningkatkan peluang untuk mendapatkan lailatulqadar.
3. Sesungguhnya satu keberuntungan yang amat besar dan istimewa kepada seseorang hamba apabila dikurniakan kepadanya beribadah pada lailatulqadar.



## ZAKAT PENYUCI JiWA DAN HARTA

١٣ - عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ: فَرَضَ  
رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ زَكَاةَ  
الْفِطْرِ طُهْرَةً لِلصَّائِمِ مِنَ اللُّغُو  
وَالرَّفَثِ وَطُعْمَةً لِلْمَسَاكِينِ، مَنْ أَدَّاهَا  
قَبْلَ الصَّلَاةِ فَهِيَ زَكَاةٌ مَقْبُولَةٌ، وَمَنْ  
أَدَّاهَا بَعْدَ الصَّلَاةِ فَهِيَ صَدَقَةٌ مِنْ  
الصَّدَقَاتِ.

-أخرجه أبو داود في سننه، كتاب الزكاة، باب زكاة  
الْفِطْرِ، حديث رقم 1609، وقال الأرنؤوط: إسناده  
حسن.



# ZAKAT PENYUCI JIWA DAN HARTA

Daripada Ibn 'Abbas RA, beliau berkata: "Rasulullah ﷺ telah mewajibkan zakat fitrah (sebagai) satu pembersihan bagi orang-orang yang berpuasa daripada (dosa) perbuatan yang sia-sia dan perkataan kotor serta (sebagai) makanan untuk orang miskin. Sesiapa yang membayar zakat fitrah sebelum solat (Aidil Fitri) maka ia adalah zakat yang diterima (oleh Allah) baginya. Sesiapa yang membayarnya selepas solat (Aidil Fitri), maka ia adalah sedekah seperti sedekah-sedekah biasa."

(Riwayat Abu Daud, *Kitab al-Zakah, Bab Zakati al-Fitri*, no. 1609, berkata al-Arnaút, sanad hadith ini hasan)



## PENGAJARAN HADITH

1. Zakat daripada sudut bahasa adalah keberkatan, kesucian, kebaikan dan berkembang.
2. Dinamakan zakat kerana ia dapat mengembangkan harta yang telah dikeluarkan zakatnya dan menjauhkannya daripada segala kerosakan dan kebinasaan. Antara hikmah disyariatkan zakat ialah dapat membersihkan jiwa seseorang muslim daripada sifat kedekut dan bakhil.
3. Semoga zakat ini akan menjadi sebagai satu pembersihan kepada harta yang telah diusahakan dan kepada dosa-dosa yang telah dilakukan.



## NABI ﷺ MENDOAKAN PEMBAYAR ZAKAT

١٤ - عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ أَبِي أَوْفَى قَالَ:  
كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا  
أَتَاهُ قَوْمٌ بِصَدَقَتِهِمْ، قَالَ: اللَّهُمَّ صَلِّ  
عَلَى آلِ فُلَانٍ، فَأَتَاهُ أَبِي بِصَدَقَتِهِ،  
فَقَالَ: اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى آلِ أَبِي أَوْفَى.

-أخرجه البخاري في صحيحه، كتابُ الزَّكَاةِ، بابُ صَلَاةِ  
الإمامِ وَدُعَائِهِ لِصَاحِبِ الصَّدَقَةِ، حديث رقم 1497.



## NABI ﷺ MENDOAKAN PEMBAYAR ZAKAT

Daripada 'Abdullah bin Abu Awfa RA, beliau berkata, adalah Nabi ﷺ apabila suatu kaum datang kepadanya dengan membawa zakat mereka, Baginda ﷺ akan mendoakannya:

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى آلِ فُلَانٍ

(Ya Allah berilah selawat (keampunan) kepada keluarga fulan (yang mengeluarkan zakat). Maka apabila ayahku menemui Baginda ﷺ dengan membawa zakatnya, maka Baginda ﷺ pun mendoakanya:

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى آلِ أَبِي أَوْفَى

(Ya Allah, berilah selawat (keampunan) kepada keluarga Abu Awfa)."

(Riwayat al-Bukhari, *Kitab az-Zakah, Bab Sholati al-Imami Wa Du'áíhi LiShohibi ash-Shodaqati*, no. 1497)




## PENGAJARAN HADITH

1. Asal perkataan 'الصَّلَاةُ' (selawat) adalah bermaksud doa.
2. Imam Ibn Hajar al-'Asqolani mengatakan bahawa selawat Nabi ﷺ ke atas umatnya adalah mendoakannya dengan keampunan, manakala selawat umatnya ke atas Baginda ﷺ akan menambahkan lagi kedudukan Baginda ﷺ di sisi Allah SWT. Oleh itu disunatkan kepada 'amil zakat mendoakan kepada pembayar zakat dengan doa tersebut.
3. Dalam kitab *al-Muhazzab* (1/310) pula menaqalkan bahawa Imam asy-Syafi'i mengatakan bahawa disunatkan mendoakan kepada pembayar zakat dengan:

آجْرَكَ اللَّهُ فِيمَا أَعْطَيْتَ، وَبَارَكَ فِيمَا  
أَبْقَيْتَ وَجَعَلَهُ لَكَ طَهُورًا

*(Semoga Allah memberikan ganjaran pahala di atas apa yang kamu berikan, memberkati harta yang masih ada pada kamu dan menjadikannya bagi kamu suci daripada dosa).*



## REBUTLAH PAHALA PUASA SETAHUN

١٥ - عَنْ أَبِي أَيُّوبَ الْأَنْصَارِيِّ رَضِيَ  
اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ  
وَسَلَّمَ قَالَ: مَنْ صَامَ رَمَضَانَ ثُمَّ أَتْبَعَهُ  
سِتًّا مِنْ شَوَّالٍ كَانَ كَصِيَامِ الدَّهْرِ.

—أخرجه مسلم في صحيحه، كتاب الصيام، باب استحباب  
صوم ستة أيام من شوال إتباعاً لرمضان، حديث رقم 1164.

Maksudnya:


Daripada Abu Ayyub al-Ansari RA, bahwa Rasulullah ﷺ bersabda: "Sesiapa yang berpuasa Ramadan, kemudian diiringinya dengan puasa (sunnat) enam hari dalam bulan Syawal, itu adalah menyamai seperti berpuasa selama setahun."

(Riwayat Muslim, *Kitab ash-Shiyam, Bab Istihbabu Shaumi Sittatu Ayyamin Min Syawal Itba'an Liramadhana*, no. 1164)



## PENGAJARAN HADITH


1. Allah SWT dengan sifat Rahim-Nya telah mengurniakan kepada umat Nabi ﷺ yang berpuasa dengan bersungguh-sungguh di bulan Ramadan akan memperoleh ganjaran puasa setahun apabila diikuti dengan enam hari puasa sunat dalam bulan Syawal.
2. Ini adalah kerana firman Allah SWT dalam surah al-An'am, ayat 160 yang bermaksud: *"Sesiapa yang melakukan amal kebaikan maka akan digandakan kepadanya pahala sepuluh kali ganda."*
3. Setiap muslim hendaklah menjadikan amalan berpuasa sunat ini sebagai satu kelaziman kerana ianya dapat menampung kekurangan daripada puasa wajib yang telah dilakukan.



# RUJUKAN

Petikan al-Quran dan hadith:

1. Tafsir Pimpinan ar-Rahman, Cetakan Kedua puluh dua Darul Fikir/ 2013.
2. Al-Bukhari, Abu 'Abd Allah Muhammad bin Isma'il al-Bukhari, *al-Jami' al-Sahih al-Musnad min Hadith Rasul Allah SAW wa Sunanih wa Ayyamih* (Sahih al-Bukhari). Beirut: Dar Ibn Kathir, Cetakan 1/2002.
3. Al-Qusyairi, Abu al-Husayn Muslim ibn al-Hajjaj. *Al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar Bi Naql al-'Adl 'An al-'Adl Ila Rasul SAW* (Sahih Muslim). Muhammad Fuad 'Abd al-Baqi (ed). Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
4. Al-Sijistani, Abu Daud Sulayman bin al-Asy'ath. *Sunan Abi Daud*. Syu'aib al-Arnaut (ed). Beirut: Dar al-Risalah al-'Alamiyyah.
5. At-Tirmizi, al-Hafiz Abu 'Isa Muhammad bin 'Isa at-Tirmizi, *al-Jami' al-Kabir*, Dar al-Gharabi al-Islami, Cetakan 1/1996.
6. An-Nasaa'i, Abu Abdul Rahman Ahmad bin Ali bin Syu'aib bin Sinan, *Sunan as-Sughra*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah., Cetakan Pertama/ 2001.
7. Al-Qazwini, Ibn Majah Muhammad Ibn Yazid, *Sunan Ibn Majah*. ed. Muhammad Fuad 'Abd al-Baqi. Dimasyq: Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah.
8. Ahmad bin Hanbal, Abu 'Abd Allah al-Shaybani, *Musnad al-Imam Ahmad bin Hanbal*, ed. Shu'aib al-Arna'ut. Beirut: Mu'assasah al-Risalah. Cetakan Pertama/ 2001.
9. .../



## RUJUKAN

9. Ahmad bin Hanbal, Abu 'Abd Allah al-Shaybani, *Musnad al-Imam Ahmad bin Hanbal*, ed. Ahmad Muhammad Syakir. al-Qahirah: Dar al-Hadith. Cetakan Pertama/ 1995.
10. Ibn Hajar, Abu al-Fadhl Syihabuddin Ahmad bin Áli bin Muhammad al-Kanany al-Ásqolany, *Fathu al-Bary Bi Syarhi Sahih al-Bukhary*. Ar-Riyadh: Dar As-Salam. Cetakan Ketiga/2000.
11. An-Nawawi, Abu Zakariya Muhyiddin Yahya bin Syarf an-Nawawi, *al-Minhaj Fi Syarhi Sahih Muslim bin al-Hajaj* (Sahih Muslim Bi Syarhi an-Nawawi, Dar al-Ma'rifah, Cetakan Ketujuh/2000.
12. Ibn Raslan, Syihabuddin Abu al-'Abbas Ahmad bin Husayn bin 'Ali bin Raslan al-Maqdasy, *Syarhu Sunan Abi Dawud*, Dar al-Falah, Cetakan Pertama/2016.
13. Al-Mubarakfury, Muhammad Abdul Rahman bin Abdul Rahim, *Tuhfatu al-Ahwazy Syarh Jami' at-Tirmizy*, Dar al-Fikr.
14. As-Syirazi, Abu Ishak Ibrahim bin Ali bin Yusuf, *al-Muhazzab Fi Fiqhi al-Imam asy-Syafi'i*, Dar al-Kutub al-Ílmiyyah.
15. Ibn Rajab al-Hanbali, Abu Faraj Ábdul Rahman bin Ahmad bin Rajab as-Sulami al-Baghdadi Thumma ad-Dimasyqi, *Lataa'if al-Ma'arif Fiima Limawaasimi Min Wazhooif*, Dar Ibn Kathir, Cetakan 5/1999.
16. Mustaffa Saíd al-Khan, Mustaffa al-Bugha, Muhyiddin Mastu, Áli as-Sarbaji, Muhammad Ameen Lutfi, *Nuzhatul al-Muttaqin Syarh Riyadu as-Salihin*, Muassasah al-Risalah, Cetakan Keempat Belas/1987.





# PENGHARGAAN

1. Dato' Dr. Sirajuddin bin Suhaimee
2. Encik Mohd Salahuddin bin Dato' Mohamed
3. Puan Adawiah binti Lias
4. Puan Hazizah binti Yusoff
5. Encik Muhammad Nur Adzim bin Amran
6. Encik Muhammad Haafizuddin bin Abirerah
5. Encik Yus Mahadi bin Yusoff
6. Encik Mohamad Khalid bin Bahrudin
7. Encik Mohd Ghazali bin Mohamed Nor
8. Encik Mohammad Zaki bin Yahpar
9. Encik Shahrul Ridhwan bin S. Ali
10. Encik Munir Zihni bin Hassan
11. Puan Siti Zuraima binti Bujang
12. Puan Khadijah binti Hariri
13. Puan Suria binti Shapie
14. Puan Siti Rafidah binti Mohd Faudzi
15. Puan Nur Fazwanis binti Othman

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada para penulis, penyemak dan semua pihak dan individu yang telah berusaha bersungguh-sungguh dalam menyiapkan buku ini.

